



TEKS UCAPAN

Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

*Di Majlis Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir
Masjid An-Na'im Dan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri.*

Pada Hari Isnin,
29hb Syawal 1446 / 28hb April 2025

Bertempat
Di Masjid An-Na'im Kampomg Panchor Mangkubau
Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Firman Allah Ta'ala:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ
إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Mafhumnya: Orang-orang yang layak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. (Dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka mudah-mudahan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk.

[Surah at-Taubah : 18]

(Tarhib: menurut senarai yang akan didapatkan daripada penganjur)

AlhamduLillah wasysyukruLillah, Masjid An-Na'im Kampong Panchor Mengkubau ini baru dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Jumaat 29 Syaban 1446 bersamaan 28 Februari 2025.

Perasmiaannya pada tarikh tersebut adalah ditandai dengan keberangkatan sulung Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunaikan sembahyang fardhu Jumaat pertama di masjid ini.

Cara perasmian yang sedemikian sudah menjadi tradisi yang diamalkan bagi masjid-masjid kita dirasmikan. Iaitu dengan keberangkatan sulung raja dan wali al-amri kita bersembahyang fardhu Jumaat yang pertama di sesebuah masjid yang baru dibina.

Dan setelah dirasmikan itu masjid berkenan pun ditakmirkan, iaitu dalam makna mengaktifkannya atau menghidupkan suasananya sebagai *masjid* yang dibina menurut undang-undang negara Bab 2 Akta *Majlis Ugama Islam* iaitu ***“bagi maksud mengadakan sembahyang, perkhidmatan-perkhidmatan dan lain-lain upacara yang berkaitan dengan ugama Islam”***.

Untuk itu maka ditubuhkanlah Jawatankuasa Takmir termasuk juga jama’ah penasihatnya.

Bagi Masjid An-Na’im ini, sejak ia dirasmikan perkara penubuhan Jawatankuasa Takmir telah difikirkan. Alhamdulillah sekarang telahpun dibentuk yang malam ini ialah majlis menyerahkan surat lantikan kepada ahli-ahli takmir yang telah dipilih.

Oleh itu, sayugialah diingat akan firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam ayat 18 surah at-Taubah yang dibacakan tadi adalah memfokus kepada dua perkara, pertama ialah *memakmurkan masjid*, dan kedua ialah tentang *orang yang tergolong sebagai orang yang memakmurkan masjid*.

Secara ringkasnya perkara yang pertama iaitu memakmurkan masjid ialah menjadikan masjid itu ramai didatangi atau dikunjungi, berkeadaan baik dan sentiasa dijaga atau dipelihara termasuklah kebersihan dan keindahannya.

Sementara perkara kedua pula ialah orang yang mendatangi masjid itu adalah dengan keimanannya kepada Allah dan hari akhirat, melaksanakan perintah bersembahyang dan membayar zakat serta bersifat dan bersikap berani dengan hanya takut kepada Allah. Maka dengan yang sedemikian itu

orang yang memakmurkan masjid sayugianya akan tergolong sebagai orang-orang yang mendapat hidayat daripada Allah, *al-muhtadin*.

Alhamdulillah, untuk memakmurkan masjid ini tentunya, kepimpinan Jawatankuasa Takmirnya yang akan terus merancang program-program atau projek memakmurkan masjid. Kita bersyukur disempatkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* hadir dalam majlis yang diadakan malam ini, Majlis Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im, dalam suasana Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri.

Sekali lagi saya meminta Jawatankuasa Takmir akan sentiasa mengingati ajaran dalam ayat tersebut khasnya adalah mengenai perkara memakmurkan atau mentakmirkan masjid. Ia memfokus kepada *sifat dan sikap orang-orang yang memakmurkan masjid* (sebagaimana terjemahan mafhumnya), dan dengan itu mengisytarkan tentang keperluan usaha dibuat bagi mentakmirkan masjid.

Maka pada hemat saya, kedua-duanya itu dapat Tuan-Tuan Ahli Jawatankuasa Takmir usahakan dengan baik bersepadu dan saling menghormati sesuai sebagai orang-orang yang disebutkan sifat dan sikap keugamaannya sedemikian itu. Dengan sifat dan sikap sedemikian adalah layak dinamakan *orang-orang yang mentakmirkana masjid* yang telah berusaha dan akan terus berusaha mentakmirkan masjid ini.

Demikianlah.

وبالله التوفيق والهداية،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

28hb Syawal 1446 / 28hb April 2025

Yang Berhormat,
Awang Lawi bin Haji Lamat
Ketua Kampong Subuk, Pemangku Penghulu Mukim Kianggih.

Yang Mulia
Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pg. Haji Hassan.
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Major Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji
Awang Mohammad bin Haji Daud.
Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im Kg Panchor
Mengkubau.

Yang Mulia
Haji Mohd Rosli bin Haji Ibrahim
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani
Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Yang Mulia
Haji Misle bin Haji Abd Karim
Pmk. Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan).

Yang Mulia
Haji Shamshol bin Haji Omar
Pmk. Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan).

Yang Mulia Pegawai-Pegawai Kanan, Penghulu dan Ketua Kampong,
Pegawai-Pegawai masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im
Kampong Panchor Mengkubau, dan para Jemaah masjid yang dihormati
sekalian